



RAYMOND (tengah) ketika majlis pelancaran itu bersama Harun (kedua dari kanan) dan Kushairi (kedua dari kiri).

# Sabah cipta dua rekod guna biomas sawit

Tracy Patrick HE 4.7.2013 6

KOTA KINABALU: Sabah mencipta dua rekod Malaysia dalam penggunaan biomas kelapa sawit dengan penubuhan syarikat-syarikat yang memproses bioethanol daripada tandan buah kosong dan juga Biomass Joint Venture (JV) Cluster baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Raymond Tan berkata kilang bioethanol itu merupakan yang pertama di negara ini dan akan membuka pintu kepada pasaran global untuk produk biokimia bernilai tinggi.

“Manakala, konsep usaha sama telah berjaya mengatasi masalah bekalan biomass jangka panjang pada harga yang stabil,”

Beliau berucap pada pelancaran Unit Penyelidikan Minyak Sawit Mapan (SPOR) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini pada Selasa. Unit tersebut merupakan inisiatif UMS melalui ‘School of Science and Technology’ untuk bekerjasama dengan pemain industri kelapa sawit demi memajukan kualiti penyelidikan kelapa sawit dan kemapanannya di Sabah.

Tan yang juga Menteri Pembangunan Industri berkata ramai pelabur tempatan dan luar negara yang mahu mendirikan loji pemrosesan biomass untuk mengeluarkan produk seperti pelet dan biofuel generasi kedua tetapi tawar hati dengan masalah bekalan biomass jangka panjang.

“Usahasama oleh Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Sabah Sdn Bhd dan Malaysia Innovation Agency (agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri) berjaya mewujudkan dan melancarkan konsep Biomass JV Cluster.

“Konsep ini telah diterima baik oleh pelabur-pelabur antarabangsa selepas diumumkan di Kongres Dunia mengenai Bioteknologi Industri di Kanada baru-baru ini,” katanya.

Beliau percaya UMS akan berjaya memainkan

peranan penting dalam mengetuai penyelidikan berkaitan dengan industri kelapa sawit di Sabah bersama-sama dengan POIC.

“Harapan saya di mana SPOR akan menjadi pentas terbaik dalam memajukan penyelidikan usaha sama antara UMS dan pemain industri kelapa sawit di Sabah untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapinya,” katanya.

Sabah merupakan pengeluar minyak kelapa sawit terbesar dalam negara dengan keluasan 1.5 juta hektar ataupun 30 peratus keluasan kelapa sawit Malaysia. Industri ini dijangka akan menjana RM103.9 bilion menjelang tahun 2020.

Semasa majlis, SPOR menerima dua geran penyelidikan berjumlah RM131,839 daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk penyelidikannya bertajuk “Ruang dan Masa Penyebaran Ganoderma dan Kaitannya dengan Zat Penting Kelapa Sawit” dan “Memodelkan Impak Ekonomi daripada Penyakit Reput Batang Ganoderma ke atas Hasil Kelapa Sawit”.

Cek-cek disampaikan oleh Timbalan Pengarah Kanan MPOB (Penyelidikan) Dr. Ahmad Kushairi Din.

Dalam masa sama, Naib Canselor UMS Prof Datuk Mohd Harun Abdullah berkata pakar dari berbagai disiplin akan bersatu di bawah SPOR untuk menjalankan penyelidikan mesra persekitaran menggunakan berbagai punca biodiversiti di Borneo demi membantu menyelesaikan masalah berkaitan industri kelapa sawit.

Dengan ini, universiti akan terus menyokong semua kegiatan SPOR dalam mencapai sasaran.

“Dengan tenaga dan kepakaran yang diatur ditambah dengan sokongan dan kerjasama kerajaan dan pemain industri, saya percaya unit akan berjaya mengangkat taraf penyelidikan kelapa sawit di Sabah setanding dengan institut-institut penyelidikan yang lain,” katanya.